

**PERANAN JARINGAN SOSIAL DALAM MIGRASI DAN MOBILITI SOSIAL
TENAGA KERJA INDONESIA KE MALAYSIA: SATU KAJIAN KES DI RAUB,
PAHANG**
**(THE ROLE OF SOCIAL NETWORKS IN MIGRATION AND SOCIAL MOBILITY
OF INDONESIAN WORKERS TO MALAYSIA: A CASE STUDY IN RAUB, PAHANG)**

Dewi Rahayu Rubaiah¹, Mashitah Hamidi² dan Kamal Solhaimi Fadzil^{1*}

ABSTRAK

Migrasi antarabangsa telah menjadi isu hangat yang diperdebatkan dalam abad ke-21. Makalah ini menganalisis proses mobiliti sosial yang dilalui oleh Paman Semara sebelum dan selepas berada di Malaysia. Paman Semara dikategorikan sebagai salah seorang Tenaga Kerja Indonesia (TKI) yang masuk ke Malaysia pada awal tahun 1980an secara tidak sah. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini bersifat kualitatif melalui temu bual bersemuka dengan Paman Semara. Oleh itu kajian ini memberi fokus kepada proses mobiliti sosial dalam membantu proses migrasi yang merangkumi fasa kemasukan, penyesuaian diri dan penglibatan dalam pekerjaan. Rata-rata buruh asing yang datang ke Malaysia terdiri daripada mereka yang mahir, separa mahir dan tidak mahir. Migrasi terjadi dengan wujudnya jaringan sosial yang kukuh sehingga mampu mengubah status sosial seseorang dalam kehidupan. Sungguhpun operasi pemutihan dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia ianya tidak menunjukkan pengurangan dalam jumlah Pendatang Asiang Tanpa Izin (PATI). Program sebegini walau bagaimanapun memberi peluang kepada warga asing yang telah melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155) untuk pulang ke negara asal secara sukarela mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.

Kata kunci: Mobiliti sosial, jaringan sosial, TKI, Paman Semara

ABSTRACT

International migration issues are seriously debated in the 21st century. This paper analyzes the social mobility process experienced by Paman Semara before and after arrival in Malaysia. Paman Semara is categorized as one of the Tenaga Kerja Indonesia (TKI) who entered Malaysia in the early 1980s illegally. This study uses a qualitative approach through face-to-face interviews with Paman Semara. The main focus is on the social mobility process in facilitating the migration process in three stages namely the entry phase, adaptation and involvement in employment. Migrant workers arriving come to Malaysia consist of skilled, semi-skilled and unskilled workers. Their migration occurs in the presence of a strong social network that can change a person's social status. Although the amnesty program was implemented by the Malaysian government, there is no indication of reduction in the number of irregular migrants. Such programs, however, provide an opportunity for foreigners who have committed an offence under the Immigration Act 1959/63 (Act 155) to return to their country of origin voluntarily with conditions.

Keyword: Social mobility, social network, TKI, Paman Semara

PENDAHULUAN

Malaysia bergantung kepada tenaga kerja asing untuk menggerakkan pelbagai sektor ekonomi seperti pertanian, pembinaan, perkilangan dan perkhidmatan. Lantaran itu permintaan ke atas tenaga kerja asing terutamanya Tenaga Kerja Indonesia (TKI) adalah tinggi. Sumbangan mereka adalah sangat signifikan dalam pembangunan industri primer, sekunder dan tertier di negara ini (IOM Indonesia, 2010). Kedatangan TKI telah berlaku secara besar-besaran sejak 40 tahun lalu. Kehadiran mereka telah dapat mengisi kekosongan dalam pelbagai sektor ekonomi dan membantu mengurangkan tekanan dalam sektor-sektor ekonomi yang berhadapan dengan masalah kekurangan tenaga buruh yang kritikal. Peluang pekerjaan yang ditawarkan di Malaysia memudahkan TKI diserap masuk dan ini berupaya mengubah nasib hidup pekerja asing dan juga mereka yang ditinggalkan di negara asal. Nilai mata wang Malaysia yang tinggi berbanding Indonesia juga memberi kesan positif kepada amaun kiriman wang ke negara asal. Kemasukan TKI walau bagaimanapun hendaklah melepasi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia. Mereka perlu mendapatkan pas pekerjaan daripada Jabatan Imigresen Malaysia sebelum boleh datang berkhidmat di Malaysia. Syarat-syarat pengambilan pekerja asing adalah seperti berikut (Jabatan Imigresen Malaysia, 2025):

- a) bekerja dalam sektor yang dibenarkan iaitu perkilangan, pembinaan, pertanian, perladangan dan perkhidmatan;
- b) permohonan pekerja asing oleh majikan / syarikat adalah tertakluk kepada kelulusan kuota dari Pusat Kelulusan Setempat (OSC), Kementerian Sumber Manusia (KSM);
- c) berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak melebihi 45 tahun pada masa permohonan;
- d) disahkan sihat oleh pusat pemeriksaan kesihatan di negara sumber; dan
- e) bakal pekerja tidak termasuk dalam senarai individu asing yang dilarang masuk mengikut Seksyen 8(3) Akta Imigresen 1959/1963.

Peningkatan pesat dalam mobiliti buruh di negara ini berlaku ekoran perbezaan taraf hidup dan pembangunan ekonomi antara negara-negara Asia Tenggara. Keadaan ini mendorong penduduk di negara berpendapatan rendah berhijrah ke negara berpendapatan tinggi. Hal ini dilakukan bagi mencari peluang pekerjaan dan pendapatan yang lebih baik. Kedatangan TKI ke Malaysia dipengaruhi oleh beberapa faktor. Antaranya ialah jaringan sosial yang wujud dalam kalangan komuniti tersebut. Menurut Hugo (2000), migrasi tidak berlaku secara spontan tetapi ianya terjadi dalam jaringan tertentu. Sistem jaringan sosial yang wujud sekian lama sukar dikawal oleh pihak berkuasa. Jaringan sosial mempengaruhi seseorang individu untuk berhijrah ekoran jaminan keselamatan, saluran maklumat, sokongan moral, emosi dan sosial (Kaur, 2004). Jaringan sosial yang kukuh adalah penting dalam membantu mendapatkan pekerjaan. Terdapat beberapa bentuk jaringan sosial yang memainkan peranan penting dalam membantu buruh asing meneruskan kelangsungan kehidupan di tempat baharu. Antara pihak yang terlibat dalam jaringan sosial adalah keluarga, rakan-rakan, agensi pekerjaan dan orang tempatan. TKI yang datang lebih awal bertindak sebagai pemberi maklumat dalam membantu proses penghijrahan.

Dalam konteks kajian ini, secara amnya, buruh asing Lombok terlibat dalam sektor pertanian atau perkebunan. Namun, kini mereka bukan sahaja terlibat dalam sektor yang dibenarkan tetapi penglibatan mereka dalam sektor pekerjaan lain yang tidak tersenarai di bawah dasar pengambilan pekerja asing juga semakin meningkat. Menurut Asis (2004), buruh asing yang telah berjaya menyesuaikan diri di tempat baharu akan menyalurkan pelbagai maklumat tentang pekerjaan, suasana kehidupan dan tuntutan tenaga kerja kepada rakan-rakan

atau saudara-mara di kampung asal. Cara penyampaian maklumat yang teliti mampu merangsang minda, emosi dan keyakinan orang baru untuk berhijrah ke kawasan tersebut. Hal ini menjadikan jaringan sosial sebagai satu platform untuk mencapai kemajuan hidup. Meskipun faktor ekonomi merupakan faktor dominan kepada penghijrahan buruh asing, faktor-faktor bukan ekonomi juga sebenarnya memainkan peranan penting dalam menjelaskan perkembangan aktiviti ekonomi mereka (Sanders & Nee, 1996). Menurut Asis (2001), penghijrahan yang berlaku sebelum ini meluaskan jaringan sosial yang sedia ada kerana wujudnya seorang pemberi maklumat tentang tuntutan tenaga kerja. Kewujudan peraturan dan penguatkuasaan undang-undang mampu dibolosi dengan adanya jaringan sosial, di mana buruh asing masih mampu meneruskan aktiviti ekonomi dan kehidupan seharian di negara destinasi.

Oleh itu objektif kajian ini adalah untuk meneroka corak kehidupan harian masyarakat Indonesia, khususnya, masyarakat dari Lombok dan peranan jaringan sosial dalam proses migrasi. Kajian ini mengambil perspektif holistik bagi meneliti kehidupan harian komuniti sasaran secara menyeluruh. Dengan menggunakan konsep jaringan sosial, kajian ini tertumpu kepada pergerakan merentasi sempadan, iaitu mengenalpasti strategi dan aliran keluar masuk migrasi yang berlaku sejak beberapa dekad lalu sehingga kini. Timbul persoalan tentang bagaimana TKI masih mampu masuk ke Malaysia walaupun undang-undang telah diperketatkan dari segi penguatkuasaan.

PENDATANG ASING, MOBILITI SOSIAL SERTA JARINGAN SOSIAL

Mobiliti Sosial

Mobiliti sosial membawa maksud pergerakan individu atau kumpulan dari kedudukan sosial yang berbeza dalam kalangan masyarakat. Horton dan Hunt (1992) mentakrifkan mobiliti sosial sebagai perpindahan dari satu kelas ke kelas sosial yang lain. Keadaan ini disokong dengan struktur sosial yang kukuh dalam usaha memperbaiki kehidupan. Ia memberi peluang kepada seseorang menaiktarafkan kehidupan ke tahap yang lebih tinggi. Sejajar dengan perkembangan ekonomi, migran asing juga giat berusaha untuk menaiktaraf kehidupan dan status sosio-ekonomi mereka sehingga berjaya melewati fasa semasa migrasi dan mencapai kejayaan untuk hidup secara kekal di Malaysia secara sah.

TKI yang telah memasuki Malaysia pada tahun 1980-an menggunakan proses penyeludupan pada pertama kalinya. Namun semasa proses legalisasi dilaksanakan, terdapat segelintir TKI yang tidak melepaskan peluang ini dan telah berdaftar. Kini, para TKI yang mendaftar pada ketika itu telah mempunyai dokumen perjalanan yang sah seperti permit kerja atau pemegang kad pemaustautin tetap. Ada segelintir dari mereka yang telah berkahwin dan mempunyai keluarga di Malaysia. Bagi perkahwinan yang berdaftar di Pejabat Agama Tempatan, mereka akan dibekalkan dengan dokumen pendaftaran perkahwinan dan anak-anak mereka boleh memohon kad pengenalan warga tempatan. Pemegang kad pemastautin tetap dapat merasai keistimewaan yang sama seperti rakyat tempatan kecuali dalam beberapa hal. Akan tetapi ia bukan penghalang kepada mereka untuk meneruskan kehidupan dan pekerjaan di Malaysia dengan tenang dan selamat.

Jaringan Sosial

Jaringan sosial adalah sebuah pola hubungan sosial yang wujud dalam kalangan individu mahupun kelompok masyarakat yang terdiri dari pelbagai bangsa di mana ia bersifat kolektif. Pola hubungan yang wujud bersifat ekonomi atau sosial di mana wujudnya peraturan dalam interaksi dengan lingkungan masyarakatnya. Menurut Dannecker (2005) dan Palloni (2001),

jaringan sosial memberi penekanan kepada hubungan di antara migran baru, migran awal dan bukan migran melalui hubungan persaudaraan, kekeluargaan, persahabatan, dan kemasyarakatan di negara asal dan destinasi yang dituju. Kewujudan hubungan sebegini menggalakkan kemasukan migrasi buruh antarabangsa kerana ia dipercayai mampu membantu mereka tiba di destinasi dengan selamat.

Malah ia diyakini mampu mengurangkan kos perjalanan dan memberikan pulangan yang lumayan kerana jaminan pekerjaan yang dijanjikan oleh saudara-mara. Malah, ia wujud akibat daripada hubungan antara individu yang saling mempengaruhi antara satu sama lain seperti sikap, pengetahuan dan perilaku. Interaksi sosial berlaku apabila tindakan atau perilaku seseorang mampu mempengaruhi, mengubah, memperbaiki, dan mendorong perilaku, perasaan dan emosi orang lain. Interaksi sosial dalam kalangan kelompok manusia secara umumnya akan membawa kepada pembentukan jaringan sosial.

Jaringan sosial adalah sebuah pola kehidupan sosial yang dimiliki individu mahupun kelompok yang mempunyai hubungan keteraturan tingkah laku dalam lingkungan sosial komuniti. Ia wujud berlandaskan kepercayaan dan norma kehidupan yang menumpukan pada aspek ikatan antara hubungan seseorang dengan orang lain atau organisasi. Kepercayaan dipelihara melalui norma-norma yang sedia ada. Dalam konsep pekerjaan, media sosial, ahli keluarga dan saudara adalah ejen utama kepada penyaluran pengetahuan dan maklumat, saling mengingatkan dan membantu antara satu sama lain dalam melaksanakan atau mengatasi sesuatu isu. Terasnya, konsep rangkaian dalam modal sosial merujuk kepada hubungan sesama manusia atau kumpulan yang membolehkan suatu aktiviti berjalan dengan cekap dan berkesan.

Granovetter (1973) melihat pengaruh sosial dalam pembentukan jaringan sosial yang didasari oleh faktor ekonomi dan kualiti maklumat. Terdapat tiga prinsip dalam rangkaian sosial. Pertama, norma dan kepadatan jaringan (*density of network*). Kedua, lemah atau kuatnya ikatan (*ties*) dalam jalinan sosial di mana ia memberi manfaat dalam ekonomi. Dalam konteks ini, pada peringkat awal, maklumat baru cenderung diperoleh dari kenalan baru dibandingkan dengan saudara-mara atau sahabat rapat yang umumnya memiliki wawasan yang sama antara satu sama lain. Kenalan baru secara relatifnya membuka pemikiran seseorang individu kepada dunia luar. Ketiga, '*structure holes*' yang berada di luar ikatan jaringan sosial sama ada kuat atau lemah mampu merapatkan hubungan individu dengan pihak luar.

Selain itu, jaringan sosial turut didefinisikan sebagai kewujudan hubungan yang khusus dan spesifik antara sekelompok masyarakat, di mana hubungan tersebut mampu mempengaruhi motif individu lainnya dalam persekitaran tersebut (Eki, 2002). Dalam proses migrasi, jaringan sosial akan dibentuk terlebih dahulu antara migran terdahulu dengan migran baru dan antara migran dengan masyarakat setempat (Kassim, 2005). Secara amnya, migran terdahulu ialah mereka yang terdiri daripada ahli keluarga, saudara mara, jiran tetangga dan sahabat terdekat. Setiap jaringan sosial bermula dengan migrasi pada awalnya. Ikatan yang baik terjalin antara keluarga migran terdahulu dengan calon migran sebelum mereka memutuskan untuk bermigrasi. Hal ini berlaku kerana wujudnya saling pertukaran maklumat di mana ia mampu menyakinkan seseorang itu. Kejayaan yang diperolehi ahli keluarga dan sahabat di kawasan tujuan menjadikan ia faktor penarik untuk bermigrasi melalui jaringan sosial yang berfungsi sebagai strategi adaptasi.

Menurut Syed Abdul Razak (2014), jaringan sosial turut berfungsi sebagai strategi adaptasi migran semasa berada di kawasan tujuan. Ia mampu membantu migran baru untuk meneruskan kehidupan (*survive*) di lingkungan persekitaran baharu. Migran tersebut akan dibantu oleh migran lama dari segi penyediaan tempat tinggal sementara, keperluan makanan dan minuman, serta membantu mencari peluang pekerjaan. Kawasan tempat tinggal dan pekerjaan di sesebuah kawasan sering didominasi oleh kelompok migran yang berasal dari suatu bangsa tertentu. Dalam aspek pekerjaan, migran akan menceburkan diri dengan pekerjaan yang sama dengan migran lama.

Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI)

Migrasi TKI berlaku secara sah dan tidak sah. Sekiranya mereka berada secara tidak sah mereka dikenali sebagai Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI). Fenomena kehadiran PATI sangat rancak di Malaysia. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh *Institute for Ecosoc Rights*, Indonesia pada tahun 2007, terdapat lima faktor utama yang membuat tenaga kerja sah bertukar status kepada tidak sah. Pertama, para TKI lebih memilih untuk bermigrasi melalui saluran tidak rasmi. Hal ini kerana proses pendokumentasian yang rumit telah menelan kos perbelanjaan yang tinggi dan jangka masa yang lebih panjang untuk mengurus proses migrasi secara rasmi. Mereka menganggap proses tidak rasmi menjimatkan masa, mudah dan lebih menjimatkan tanpa mengetahui impak dari pilihan tersebut pada masa akan datang.

Kedua, undang-undang migrasi Malaysia menetapkan bahawa penempatan TKI adalah mengikut majikan yang berdaftar di pejabat imigresen negara. Keadaan ini menyebabkan pergerakan TKI terbatas dalam pelbagai hal. Sekiranya mereka berstatus tidak rasmi, ia mudah bagi mereka untuk bergerak bebas dalam pemilihan bidang pekerjaan sesuai dengan upah yang ditawarkan. Mereka boleh memilih majikan dan tempat tinggal serta pekerjaan yang sesuai dengan kemahiran mereka. Keadaan ini terjadi kerana mereka yakin bahawa tidak semua pekerjaan yang ditawarkan dalam saluran rasmi majikan adalah baik dan menguntungkan mereka.

Ketiga, TKI yang masuk secara rasmi tidak tahan dengan keadaan kerja yang dikatakan sebagai eksploitasi tenaga oleh para majikan. Pekerjaan yang dilakukan tidak sesuai dengan kadar upah yang ditawarkan di mana sering berlaku keganasan fizikal dan tekanan psikologi sehingga TKI memilih untuk lari meskipun paspot dipegang oleh majikan. Keadaan ini secara tidak langsung menjadikan mereka tidak berdokumen dan terdedah kepada penangkapan pihak berkuasa. Keempat, MoU antara negara Indonesia dan Malaysia yang mensyaratkan dokumen perjalanan akan dipegang oleh para majikan. Meskipun mereka berstatus rasmi pada awalnya, namun sekiranya majikan membuat laporan ke atas TKI, mereka akan menghadapi masalah dalam membuat pasport baru. Keadaan ini memaksa mereka untuk pulang ke Indonesia melalui laluan laut untuk membuat pasport dengan identiti yang berbeza.

Kelima, para TKI hendaklah mempunyai akses kepada maklumat prosedur migrasi secara rasmi di negara tujuan iaitu Malaysia. Mereka hendaklah memiliki informasi yang boleh dipercayai tentang jenis pekerjaan dan kawasan sekitar. Hal ini sering kali dihubungkan dengan jaringan sosial yang menjadi saluran maklumat. Akibatnya, ramai TKI telah terdedah kepada sindiket penipuan dan kegiatan pemerdagangan manusia oleh pihak tidak bertanggungjawab di negara asal dan Malaysia.


Organisasi Sosial yang Membantu TKI Merentasi Sempadan Antarabangsa

Berdasarkan catatan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) pada tahun 2000, Malaysia merupakan negara pilihan utama yang menerima kemasukan buruh asing tanpa izin. Hal ini dikaitkan dengan kedudukan geografi yang strategik akibat faktor kedekatan melalui jalan laut berhampiran Johor dan Sabah. Antara inisiatif yang terbina dalam proses kemasukan ini ialah kewujudan perkhidmatan “tekong”, kabel, ahli keluarga, sahabat dan saluran maklumat yang lengkap.

Kewujudan organisasi sosial yang berstruktur dan sistematik telah membantu dalam memudahkan segala proses penyeludupan manusia dengan menggunakan perkhidmatan tekong. Tekong terbahagi kepada beberapa jenis antaranya ialah tekong darat dan tekong laut. Permintaan terhadap tenaga kerja melalui saluran tekong yang tidak formal di Malaysia mewujudkan peluang pekerjaan yang memerlukan tekong kampung di negara asal, Indonesia.

Tekong kampung selalunya terdiri daripada kenalan rapat atau ahli keluarga kepada tekong di Malaysia kerana mereka tidak mahu berurusan dengan orang luar. Hal ini demikian kerana segala proses yang dilakukan adalah salah di sisi undang-undang. Tekong laut akan mengambil alih urusan pelayaran dengan menggunakan kapal. Setibanya di pesisiran pantai, tekong darat akan mengambil tugas bagi menghantar TKI kepada majikan masing-masing. Tekong darat ini terdiri daripada masyarakat tempatan dan mereka dari susur galur persanakan.

Rajah 1: Carta Organisasi Sosial yang Wujud dalam Proses Kemasukkan TKI ke Malaysia



Sumber: Carta Organisasi Sosial dalam Organisasi Sosial, September 2021.

Proses Kemasukan ke Malaysia (Sistem tekong)

Indonesia dilihat sebagai negara yang aktif dalam pergerakan kehidupan ekonomi dengan jaminan sumber manusia yang banyak. Menurut Spaan (1994), keadaan ini menjadi punca kadar pengangguran yang tinggi di negara tersebut. Perekonomian yang rendah dalam penawaran upah menyebabkan terjadinya mobiliti pekerja antarabangsa. Dianggarkan seramai 3 juta TKI yang berada di luar negara dan Malaysia mencatatkan jumlah tertinggi (Human Rights Watch, 2009). Fenomena penyeludupan tenaga kerja merupakan perkara yang sukar dibanteras di peringkat antarabangsa. Perkembangan dan kemajuan teknologi, saluran maklumat, komunikasi dan pengangkutan menjadikan segala proses penyeludupan dapat dilaksanakan secara tertutup dan bergerak melawan perundangan negara (Eka Jaya, 2013). Pelbagai keadaan digunakan bagi menjayakan proses penyeludupan merentasi sempadan, misalnya melalui laluan air, udara dan darat. Antara sempadan negara yang sering digunakan ialah sekitar kawasan Tanjung Pengelih, Johor. Mereka yang terlibat bagi menjayakan proses penyeludupan ini ialah pihak berkuasa, masyarakat tempatan serta agensi tekong. Pelbagai taktik digunakan bagi mengaburi mata pihak berkuasa demi menjayakan proses penyeludupan terlaksana dengan jayanya.

Kes penyeludupan TKI semakin meningkat dari setahun ke setahun kerana proses membanteras tidak dapat dilakukan secara menyeluruh kerana faktor pecah amanah. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan, pengkaji mendapati rata-rata responden memasuki Malaysia sebagai pendatang tanpa izin (PTI). Sistem “*tekong*” merupakan organisasi sosial yang tidak formal dalam membantu warga Indonesia untuk memasuki Malaysia secara tidak sah. Organisasi tidak formal ini terdiri daripada orang tempatan iaitu warga Malaysia, orang kampung asal di Indonesia, orang kapal dan ejen penghantar bermula dari tempat asal hingga ke tempat yang ditujui. Malah *tekong* juga merupakan ahli keluarga kepada para migran yang mahu melakukan penghijrahan. Orang kampung yang berperanan sebagai *tekong* ialah mereka yang pandai mencari warga tempatan untuk memenuhi tawaran pekerjaan di Malaysia. Mereka selalunya mempunyai jaringan sosial yang luas dalam sesebuah kawasan sehingga dapat mempengaruhi warga tempatan untuk bersetuju melakukan penghijrahan.

Umumnya, *tekong* di Indonesia memperoleh maklumat dari *tekong* Malaysia sebelum mereka mula menyebarkan maklumat dan mencari TKI. Terdapat unsur persetujuan yang disepakati bersama antara *tekong* Malaysia dan *tekong* Indonesia. *Tekong* kampung sering menjadi tempat rujukan bagi warga setempat untuk mendapatkan maklumat terkini akan peluang pekerjaan. Sasaran utama ialah mereka yang berpendidikan rendah kerana rata-rata golongan ini hidup dalam keadaan sederhana dan sukar untuk menaiktarafkan kehidupan sedia ada. Malah, mereka adalah golongan yang lebih mudah terpengaruh dengan kata-kata *tekong*. Segala persediaan dan persiapan dokumen akan dilakukan oleh *tekong darat* di mana sejumlah wang akan diminta sebagai bayaran perkhidmatan. PTI terlebih dahulu akan membayar jumlah wang tersebut kepada orang tengah di kampung halaman sesuai dengan harga yang disepakati. Bagi ahli keluarga yang menjadi *tekong*, mereka sedaya-upaya akan membantu ahli keluarga mereka untuk masuk ke Malaysia dan mereka dibenarkan untuk berhutang biaya perjalanan. Hal ini demikian kerana kebanyakan ahli keluarga yang tidak mempunyai wang akan menggadaikan tanah sawah mereka kepada *tekong* sebagai jaminan pembiayaan.

Jumlah tambang yang diperolehi melalui *tekong* akan dibahagikan kepada *tekong laut* iaitu orang kapal. Biaya wang tersebut merangkumi jaminan keselamatan dalam perjalanan sehingga tiba di lokasi Malaysia. Jaminan keselamatan ini digunakan ketika berjumpa pihak berkuasa di tengah pelayaran, di mana ia akan digunakan untuk melepaskan diri dengan membayar nilai atau rasuah yang disepakati. Mereka kemudiannya akan memasuki sesebuah negara dengan menaiki kapal besar yang kemudiannya berhenti di pesisiran pantai, kapal tersebut tidak akan berlabuh ke pesisiran pantai kerana risau kapal akan terkandas ekoran air laut surut. Namun, sekiranya air laut pasang, mereka akan dihantar terus ke kawasan muara di mana mereka tidak perlu berenang. Mereka hanya perlu turun ke daratan dan akan langsung diurus oleh orang tengah yang digelar “*tekong darat*”. TKI akan dikumpulkan di kawasan pengumpulan sebelum perjalanan dimulakan iaitu di jeti kapal yang hanya diketahui oleh *tekong* kampung. Para TKI akan dijemput di rumah masing-masing dan dihantar ke jeti bagi menjaga kerahsiaan tempat pengumpulan.

Ketika di lautan, sekiranya gelombang air kuat, mereka akan berhenti atau bergerak secara perlahan kerana risau akan ditelan ombak. Meskipun cuaca hujan, perjalanan kapal tetap diteruskan kerana tidak mahu menanggung risiko kerugian. Kerugian yang dimaksudkan ialah jika TKI telah naik kapal untuk belayar, mereka menjadi tanggungan *tekong laut* dari segi makanan, minuman dan keselamatan kerana mereka telah dibayar untuk jaminan keselamatan perjalanan. Mereka juga dikatakan mampu meramal perjalanan agar terhindar dari gangguan cuaca buruk. Pelayaran kapal jarang menghadapi sekatan perairan kerana mereka mempunyai saluran maklumat yang dipercayai. Sebelum memulakan perjalanan, mereka akan menggunakan khidmat pawang yang akan membaca mantera agar perjalanan pergi dan balik adalah selamat. Masyarakat ini masih mempercayai dan menitik beratkan mantera pawang kerana kebanyakannya mujarab sehingga ia menjadi rutin sebelum perjalanan dilakukan.

Setibanya di Malaysia, pemindahan tangan dilakukan kepada “*tekong darat*” yang akan mengambil dan mengurus TKI yang masuk melalui perairan Johor. “*Tekong darat*” ialah orang Indonesia yang sudah lama berada di sini dan tahu selok-belok kawasan pekerjaan di Malaysia. Meskipun TKI yang mendarat berada dalam keadaan basah kerana perlu berenang ke muara pantai, mereka tidak dibenarkan berlengah untuk menukar pakaian. Proses pergerakan perlu dilakukan dengan pantas agar tidak diketahui oleh pihak berkuasa. *Tekong darat* bergerak dalam kumpulan di mana sebahagian mereka terdiri daripada masyarakat tempatan. Proses perjalanan di darat disusun dengan baik agar terhindar dari sekatan jalan raya. Perjalanan dilakukan dengan menggunakan beberapa kereta yang mana perlu ditukar-tukar kenderaan bagi mengelak dari menjadi sasaran polis.

Umumnya, “*tekong darat*” akan mencari peluang pekerjaan di sektor perladangan, pembinaan, dan sektor lainnya. Masyarakat Lombok menggelar cara kemasukan ini sebagai menyeludup kerana ianya hanya dilakukan pada waktu malam kerana mahu mengelak dari diketahui oleh pihak berkuasa khususnya semasa di perairan dan daratan. Bagi TKI yang mempunyai ahli keluarga yang bekerja sebagai tekong, keselamatan dan keberhasilan mereka lebih terjamin setibanya di Malaysia. Hal ini demikian kerana mereka akan ditempatkan di tempat kerja yang berdekatan dengan rumah tekong di mana mereka akan kerap dipantau dari semasa ke semasa.

Tekong darat mempunyai hubungan baik dengan ejen pekerjaan dan para majikan yang membuat permintaan tenaga kerja kerana setiap proses perjalanan awalnya bermula daripada mereka. Tanpa tekong darat di Malaysia, maka tidak akan wujud evolusi dalam proses tekong di Indonesia. Tekong darat akan mencari kekosongan kerja dari majikan dan berjanji akan mengisi kekosongan tersebut dengan membekalkan tenaga kerja dari kampung halaman. Keseluruhan proses tekong melibatkan proses perjalanan yang berisiko tinggi dan terdedah kepada ancaman pihak berkuasa dan alam. Kebanyakan TKI tidak mengetahui sempadan atau laluan mana yang digunakan oleh *tekong* dan ejen kerana mereka tidak didedahkan kepada sebarang maklumat perjalanan. Perjalanan hanya dilakukan pada waktu malam dan telah diurus secara menyeluruh oleh pihak ejen. Bahasa khusus dan istilah-istilah tertentu juga digunakan bagi mengelak dari kebocoran maklumat. Berdasarkan Undang-undang No. 21 Protokol Palermo PBB pada tahun 2007, penyeludupan juga diertikan sebagai:

“People Smuggling/Trafficking in person shall mean the recruitment transportation, transfer, harboring or receipt of persons, by means of the threat or use of force or other forms of coercion, of abduction, of fraud, of the abuse of power or of a position of vulnerability or of the giving or receiving of payments or benefits to achieve the consent of a person having control over another person for the purpose of exploitation”

(Undang-Undang No.21 tahun 2007)

Setibanya di lokasi kerja, TKI akan diserahkan kepada majikan yang membuat permintaan terhadap mereka. Kebanyakan majikan terdiri daripada masyarakat Cina yang mempunyai modal yang besar dan kawasan kebun yang luas. Secara amnya, mereka mampu membayar gaji para TKI dan menanggung belanja makanan bulanan. Majikan bersetuju bahawa TKI merupakan pilihan yang tepat bagi mengerjakan kawasan perkebunan dibandingkan dengan golongan tenaga kerja lain seperti Myanmar dan Bangladesh. Hal ini dikaitkan dengan komunikasi yang mudah antara dua pihak dan tahap kerajinan yang tinggi dalam diri TKI. Tenaga kerja Myanmar dan Bangladesh boleh dikategorikan sebagai pekerja sederhana dan pekerjaan mereka perlu dipantau dari semasa ke semasa. Meskipun majikan tahu akan status TKI yang tidak berdokumen dan akibat dari perbuatan mereka, ia bukanlah satu masalah bagi mereka. Hal ini kerana, TKI hanya perlu tinggal di kebun dan segala keperluan

akan disediakan oleh pihak majikan. Dengan cara ini, mereka tidak akan terdedah kepada penguatkuasa yang sentiasa membuat rondaan di sekitar kampung berdekatan. Jika TKI jatuh sakit dan memerlukan rawatan, majikan akan membawa mereka ke klinik swasta pada waktu senja agar tidak terdedah kepada orang awam. Pihak klinik juga menerima kedatangan mereka dengan mengenakan kos rawatan yang tinggi.

Rasionalnya, segala proses perjalanan seseorang TKI memerlukan jaringan sosial yang kuat antara para tekong dari Malaysia, Indonesia, ejen pekerjaan dan majikan. Jaringan sosial yang wujud membuatkan maklumat sentiasa tersebar kepada mereka yang memerlukan. Kewujudan organisasi tidak formal sebegini merupakan pembuka laluan kepada TKI untuk memasuki sektor pekerjaan di Malaysia. Kewujudan *tekong* ialah hasil dari permintaan majikan tempatan sehingga ia diterima oleh masyarakat Indonesia sebagai sebuah organisasi yang membantu para TKI masuk ke Malaysia untuk bekerja dan memperbaiki taraf hidup sedia ada.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif di mana kaedah temu bual (bersemuka), temu bual mendalam (in-depth interview) dan pemerhatian ikut serta telah dilaksanakan dalam pengumpulan data. Pengkaji telah menjalankan kajian lapangan di lokasi kajian iaitu kawasan perkebunan yang terletak di salah sebuah daerah di negeri Pahang. Jarak lokasi kajian ialah sekitar 54 km dari jalan utama.

Hubungan dan rangkaian sosial telah terbina dengan "*gate keeper*" yang merupakan ketua tidak formal bagi golongan TKI. "*Gate keeper*" yang dikenali dengan nama Paman Semara telah bermastautin di Malaysia selama lebih 30 tahun dan memiliki kad pengenalan merah. Paman Semara telah memperkenalkan pengkaji kepada orang kepercayaan yang berada di lokasi kajian.

Banyak maklumat tentang kawasan kajian, tahap keselamatan, penempatan TKI, aktiviti pekerjaan dan sebagainya dikongsikan kepada pengkaji. Pemberi maklumat utama yang dikenali sebagai Amaq Ata (bukan nama sebenar) ialah TKI yang telah tinggal di kawasan tersebut lebih dari 20 tahun. Beliau merupakan salah seorang TKI yang telah berjaya mencapai kestabilan ekonomi dengan jumlah pendapatan yang tinggi. Amaq Ata adalah antara TKI yang mempunyai kemahiran yang bagus sehingga dia sering menjadi tempat para TKI baru mempelajari sesuatu kemahiran dalam perkebunan.

Pengkaji menghadapi masalah kekurangan data migrasi di mana datanya selalu tidak lengkap dan dikategorikan sebagai data sulit. Responden yang merupakan pekerja asing tidak sah takut untuk ditemu bual kerana risau akan ditangkap oleh pihak berkuasa dan dihantar pulang ke negara asal. . Temu bual bersemuka dilakukan segala jawapan direkodkan oleh pengkaji bagi mengatasi masalah migran tidak mahir membaca dan masalah perbezaan bahasa. Temu bual (mendalam) juga dijalankan dengan 10 orang informan bagi mendapatkan maklumat yang lebih terperinci yang tidak mungkin diperoleh daripada pengumpulan data dengan menggunakan borang soal selidik. Melalui temu bual mendalam, pengkaji meneliti dan mendengar pengalaman kerja serta pengalaman hidup komuniti yang dikaji. Malah, pengkaji juga berminat untuk mengetahui cara TKI masuk ke Malaysia dan strategi yang dilaksanakan bagi mencapai status ekonomi yang baik. . Ini membolehkan pengkaji memahami situasi kehidupan harian informan dalam menghadapi segala cabaran dalam proses peningkatan taraf hidup. Secara umumnya, persamaan dalam pertuturan bahasa Melayu sedikit sebanyak memudahkan proses komunikasi antara pengkaji dengan para informan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Latar Belakang Paman Semara

Aktiviti pendatang tanpa izin (PATI) atau penyeludupan manusia merupakan suatu fenomena di mana seseorang akan merentasi sempadan negara melalui jaringan sosial yang tidak sah dan salah di sisi undang-undang. Keadaan ini sukar dibanteras dan disebut sebagai satu bentuk eksploitasi buruh pada masa sekarang sehingga ia menjadi suatu landasan jaringan yang diguna pakai oleh ramai pihak sebagai jalan pintas. Keadaan ini disokong dengan perkembangan teknologi maklumat dan pengangkutan sehingga membuatkan sesuatu perjalanan itu sukar dibanteras oleh pihak berkuasa. Hal ini membuatkan operasi penyeludupan dilakukan secara tertutup dan bergerak secara diam-diam merentasi sempadan antara negara (Owczynik, 2016).

Pelbagai laluan penyeludupan yang diguna pakai bagi memasuki sesuatu sempadan, antaranya ialah laluan darat, laut atau udara. Laluan darat dan laut merupakan antara laluan yang digunakan oleh sindiket bagi mengaburi mata pihak berkuasa. Antara laluan penyeludupan darat yang terkenal di Semenanjung Malaysia ialah seperti di Bukit Kayu Hitam, Kedah dan Tanjung Pengelih, Johor serta Chuping, Perlis. Manakala laluan laut yang terkenal ialah di pesisiran laut Pengerang, Johor dan Pulau Pinang. Proses penyeludupan akan dilakukan pada waktu malam di mana rata-rata PATI tidak tahu akan keberadaan mereka. Terdapat banyak pihak yang terlibat dalam menjayakan suatu proses merentas sempadan seperti orang tempatan, pihak berkuasa, agensi pelancongan, dan ahli keluarga sehingga ianya merumitkan kerja penangkapan. Kewujudan pihak-pihak ini menyukarkan proses penyiasatan dan risikan kerana berlakunya pecah amanah dan rasuah secara besar-besaran dalam kalangan pihak tertentu (Mohd Na'iem Ajis, 2017).

Daerah sempadan Indonesia seperti Kepulauan Riau, Kalimantan, Maluku Utara dan beberapa kawasan di Jawa merupakan antara laluan keluar masuk untuk proses penyeludupan manusia. Punca utama yang mengakibatkan proses penyeludupan semakin berleluasa ialah wujudnya permintaan tenaga kerja yang tinggi dari negara berpendapatan tinggi. Penghantaran TKI ke Malaysia terjadi kerana sikap warga tempatan yang memilih kerja sehingga membuka ruang kepada tenaga kerja asing bagi mengisi peluang pekerjaan 3D (*Dirty, Dangerous, Difficult*). Kebanyakan TKI yang memilih kaedah migrasi yang berlawanan dengan undang-undang seperti proses penyeludupan selalunya berasal dari keluarga berpendapatan rendah, berpendidikan rendah dan mempunyai jaringan sosial yang dipercayai di Malaysia. Mereka lebih memilih untuk menggunakan perkhidmatan orang tengah iaitu dengan menggunakan laluan laut kerana tidak mahu menguruskan pelbagai dokumen yang akan menelan kos yang lebih tinggi dan masa yang panjang. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Imam Adriansyah Ibrahim (2013), seramai 450,000 warga Indonesia telah berangkat sebagai TKI. Sekitar 46 peratus daripada mereka telah menjadi mangsa jenayah penyeludupan manusia.

Paman Semara yang berasal dari Lombok Tengah adalah antara TKI yang menggunakan laluan laut bagi memasuki sempadan laut Johor pada tahun 1970-an. Kedatangannya dibantu oleh bapa saudara yang telah menetap dan bekerja di Malaysia selama tiga tahun. Paman Semara memasuki Malaysia dengan menggunakan laluan laut selama satu minggu kerana beliau berasal dari Lombok Tengah. Menurut beliau perjalanan tersebut mengambil masa yang lama ekoran penggunaan kapal laut yang kecil dan gelombang laut kuat pada ketika itu. Tujuan utama beliau bermigrasi adalah untuk memperbaiki taraf kehidupan yang sedia ada. Ibu bapanya yang meninggal dunia pada usia beliau masih kecil dengan jumlah adik-beradik yang ramai membuatkan beliau nekad untuk memasuki Malaysia bagi mencari pekerjaan.

Setiapanya di perairan Johor, beliau dan rakan-rakan yang lain diarahkan untuk berenang ke muara pantai kerana ejen TKI risau akan serangan operasi penangkapan oleh pihak

berkuasa. Orang tempatan yang merupakan orang tengah akan mengambil mereka dengan menggunakan kereta atau van sapu untuk dihantar kepada para majikan. Maka, di sini bermulalah kisah Paman Semara sebagai TKI yang tidak berdokumen dan bekerja sebagai pemotong kelapa sawit di Felda Soeharto, Selangor. Paman Semara dijaga dan diajar oleh bapa saudaranya tentang kerja pemotongan sawit sehingga beliau mahir dan mampu untuk berdikari dengan sendirinya. Paman Semara membawa diri untuk bermigrasi ke Pahang kerana dikhabarkan adanya tawaran upah yang tinggi dalam bidang pekerjaan yang sama. Meskipun beliau tidak memiliki dokumen perjalanan diri yang sah, beliau masih berani untuk bermigrasi ke kawasan yang baru.

Paman Semara

Paman Semara adalah seorang individu yang dipandang tinggi dan dihormati oleh para TKI di sekitar kawasan kajian. Beliau telah lama bermastautin di Malaysia dan merupakan seorang pemegang kad pengenalan diri (identification card) merah. Bagi komuniti TKI di situ, beliau sering dirujuk sebagai ketua dalam memutuskan banyak perkara. Antaranya ialah dalam aspek pekerjaan, perkahwinan, kematian dan sebagainya. Paman Semara sering menjadi wakil kepada pasangan yang mahu melangsungkan pernikahan. Mereka akan menemui beliau untuk berbincang dan memutuskan tarikh pernikahan. Wali akan menghubungi ahli keluarga kedua pasangan melalui panggilan video bagi menyaksikan pernikahan tersebut. Malah jika berlakunya kematian dalam kalangan TKI, Paman Semara merupakan orang pertama yang akan dihubungi bagi melaporkan kes tersebut di Balai Polis berdekatan. Malah, polis juga mengenali Paman Semara sebagai wakil TKI di kawasan tersebut dan beliau disambut dengan baik. Hubungan baik antara mereka membuatkan sesuatu proses penyiasatan kes kematian dapat dilakukan dengan mudah dan pantas.

Proses pengebumian akan dilakukan di tanah perkuburan Islam di kampung tersebut. Kubur warga TKI akan ditempatkan di kawasan yang dikhaskan untuk mereka tidak jauh dari kubur masyarakat tempatan. Hal ini dilakukan bagi memudahkan urusan penjagaan kubur warga TKI oleh Paman Semara. Paman Semara akan menghubungi Pak Imam dan Ketua Kampung untuk memaklumkan hal tersebut sebelum proses menggali kubur yang akan dikawal oleh anak buahnya. Proses menggali kubur akan dihadiri oleh ramai warga TKI yang bekerja di kawasan tersebut kerana bagi mereka, upacara kematian perlu diutamakan berbanding majlis perkahwinan. Di hospital, jenazah akan ditunggu dan disiapkan oleh Paman Semara dan anak buahnya serta ahli keluarga si mati yang mempunyai dokumen perjalanan yang sah. Jenazah akan dimandikan, dikafankan dan disolatkan kerana tidak mahu menanggung masa untuk proses pengebumian. Kadang kala, jenazah akan dibawa ke masjid untuk disolatkan beramai-ramai dengan para TKI lain, bergantung kepada permintaan ahli keluarga si mati. Bagi menghormati warga tempatan, Pak Imam akan menjadi wakil untuk membaca doa dan talkim.

Selain itu, Paman Semara juga bertindak sebagai penjamin bagi mereka yang melarikan diri dari majikan. Sebetulnya, TKI yang melarikan diri tidak tahu kaedah yang betul bagi menjaga hak asasi mereka. Pelbagai faktor yang membuatkan seseorang TKI itu melarikan diri, antaranya ialah layanan yang buruk, diskriminasi kerja, tidak dibayar gaji, waktu kerja yang panjang, gangguan seksual dan sebaliknya. Bagi sesetengah TKI yang tidak dibayar, mereka akan mencuri barang atau hasil kebun di kawasan majikan sebagai tindak balas dendam. Perkara ini boleh membahayakan semua TKI yang berada di kawasan tersebut jika kes sebegini ini dibawa ke balai polis. Tidak mustahil semua warga TKI atau PTI akan dicari bagi membantu siasatan. Hal ini demikian kerana paspot tenaga kerja asing yang masuk ke Malaysia secara sah akan disimpan oleh majikan mereka. Keadaan ini membuatkan para TKI terdedah kepada kehilangan status sah sekiranya mereka melarikan diri dari majikan yang melakukan

penindasan kerja. Sering kali Paman Semara akan dicari untuk berbincang dengan majikan dan menuntut pembayaran gaji dan seterusnya menutup kes tersebut. Akan tetapi, ada juga segelintir TKI yang teraniaya atau dieksploitasi yang kembali ke negara asal tanpa mendapat sebarang ganti rugi atau pampasan yang setimpal dengan pekerjaan.

TKI lain juga mengiktiraf kedudukan Paman Semara dan beliau mempunyai jaringan sosial yang berpengaruh sehingga majikan Cina turut mencarinya untuk meminta bantuan kerja. Tidak semua TKI yang mengikuti Paman Semara mempunyai hubungan keluarga atau bangsa yang sama. Kesimpulannya, TKI yang merupakan pemegang kad pemastautin tetap merupakan orang yang dapat menikmati kelebihan di Malaysia. Mereka sering dirujuk sebagai orang penting dalam sesuatu perbincangan yang melibatkan campur tangan orang tempatan dan pihak berkuasa. Orang tempatan juga menghormati Paman Semara kerana beliau dikatakan ketua bagi para TKI dan hubungan baik antara kedua-dua belah pihak saling menguntungkan. Misalnya jika ada permintaan terhadap tenaga kerja dalam suatu pekerjaan untuk jangka masa pendek, mereka tidak perlu bersusah payah mencari pekerja kerana Paman Semara akan mencari TKI untuk melakukannya.

Persaudaraan Fiktif (*Fictive Kinship*)

Kelompok TKI yang tinggal di sekitar kawasan kajian memainkan peranan sebagai sebuah keluarga dalam sesebuah komuniti yang lebih dikenali sebagai persaudaraan fiktif atau "*fictive kinship*". Dalam hubungan ini, ia mempunyai asas yang berbeza dari ikatan talian darah atau perkahwinan. Secara ringkasnya, persaudaraan fiktif melibatkan lanjutan kewajipan persaudaraan dan perhubungan kepada individu secara khusus yang tidak termasuk dalam alam persaudaraan sedarah, namun lebih kepada persamaan latar belakang yang sama. Semua hubungan persaudaraan fiktif berpegang kepada satu unsur yang sama bagi menjamin kesejahteraan hidup bermasyarakat.


Istilah persaudaraan fiktif mempunyai komponen yang sama dari segi keagamaan, politik, ekonomi dan sosial. Mereka memanipulasi realiti bagi mengisi jurang dalam rangkaian persaudaraan sebenar. Hubungan yang wujud juga berfungsi untuk meluaskan rangkaian sokongan, mewujudkan rasa komuniti dan meningkatkan kawalan sosial. Pada dasarnya, hubungan persaudaraan fiktif menghuraikan jaringan sosial dan mengatur interaksi dengan orang lain di luar sempadan keluarga. Pertalian persaudaraan fiktif biasanya bersifat sukarela dan memerlukan persetujuan kedua-dua belah pihak dalam mewujudkan ikatan tersebut. Mereka yang berasal dari negara yang sama cenderung merasa bertanggungjawab untuk membantu komuniti mereka yang berada di Malaysia.

Wujud terminologi yang digunakan oleh masyarakat Lombok dalam memperlihatkan bentuk sistem persaudaraan fiktif dalam kehidupan sosial mereka. Terdapat panggilan dan nama-nama khusus yang merujuk kepada pangkat dan tanda penghormatan antara satu sama lain. *Term of references* yang digunakan adalah dalam bahasa Lombok, misalnya "*Amak Kake*" atau "*Kake*" yang merujuk kepada Pak Long atau Mak Long. Manakala, bagi panggilan "*Amak*" ialah ayah, dan "*Inak*" ialah emak. Masyarakat ini tidak akan memanggil nama sebenar golongan tua, mereka sering memanggil nama anak pertama kepada orang tua tersebut selepas perkataan "*Amak*" atau "*Inak*", contohnya "*Amak Ata*" yang bermaksud ayah Ata, Ata ialah nama anaknya. Panggilan ini digunakan secara meluas untuk memanggil ayah dan emak angkat dalam persanakan fiktif.

Bagi golongan muda, mereka masih menitikberatkan perbezaan tua-muda. Terminologi berasaskan "*birth order term*" masih dikekalkan sejak dari negara asal mereka, Indonesia. Panggilan kepada mereka yang dalam umur pertengahan sering dipanggil "*Paman*" untuk lelaki dan "*Bibik*" untuk wanita. Malah, wujudnya persamaan yang sama dengan masyarakat

Melayu, misalnya “abang” dan “kakak” merujuk kepada orang yang telah lama menetap di sekitar kawasan tersebut. Bagi mereka yang saling tidak mengenali antara satu sama lain, adalah lebih mesra untuk menyapa orang lain dengan gelaran tersebut. Keadaan ini memperlihatkan kesantunan bahasa dan adab dalam menghormati orang lain.

Rajah 2: Terminologi yang Digunakan untuk Memanggil (*address*) Masyarakat Lombok



Sumber: Terminologi dalam Komuniti TKI, September 2021.

Pengaruh Kepimpinan

Menurut Asnarukhadi (2005), sesuatu pembangunan dalam kelompok masyarakat akan berlaku sekiranya hubungan sosial antara ahli masyarakat semakin kuat. Keadaan ini akan membentuk rangkaian sosial dan sokongan sosial dalam apa-apa situasi, misalnya sebelum, semasa, dan selepas seseorang TKI itu bermigrasi.. Kepimpinan memainkan peranan penting dalam mewujudkan kesepaduan komuniti dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan komuniti dalam aspek politik, ekonomi dan sosial. Asas kepada perpaduan ialah dengan memupuk nilai sosial dan integriti sosial sejak dari awal lagi. Jawatan yang bersifat tidak formal ini telah diwujudkan sebagai alternatif dalam menjaga kebajikan TKI dari pelbagai bangsa. Mereka yang memiliki kad pengenalan berstatus pemastautin tetap seperti Paman Semara mempunyai kelebihan dalam banyak hal dan mereka juga dilayan sama rata seperti warga tempatan.

Ini membolehkan sesuatu kelompok masyarakat itu dipimpin oleh ketua yang berkualiti dan berwibawa dalam menghadapi sebarang isu yang mendatang. Seorang pemimpin yang dilantik oleh warganya mempunyai kualiti kepimpinan seperti dari aspek tingkah laku, corak kepimpinan, tingkahlaku, percakapan dan rasa kekitaan yang baik. Para TKI memilih Paman Semara sebagai ketua atau wakil dalam menangani isu yang timbul dalam kalangan masyarakat tersebut. Kualiti kepimpinan yang dimiliki oleh beliau dapat mempengaruhi seseorang atau kumpulan dalam mencapai matlamat tanpa sebarang tekanan (Zaharah & Silong, 2008). Secara amnya, kepimpinan dapat dipupuk melalui aktiviti

berkumpulan dan interaksi yang baik antara kelompok masyarakatnya (Islam & Morgan, 2012).

Umumnya, pemimpin atau ketua mempunyai komitmen yang besar dalam mempertahankan dan membangunkan masyarakat di bawah jagaannya (Chris, 2005). Komitmen yang tinggi dalam mendekati masyarakat, membuat penilaian dan pertimbangan terhadap sesuatu perkara menjadikan Paman Semara seorang yang dihormati oleh kelompok masyarakat TKI dan tempatan. Maka, tidak hairan sekiranya beliau menjadi tempat rujukan bagi TKI dalam hal-hal berkaitan perkahwinan, kematian, penindasan dan sebagainya.

KESIMPULAN

Perjanjian Medan merupakan satu perjanjian yang dipersetujui oleh Malaysia dan Indonesia pada Mei 1984 sebagai usaha untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja dalam sektor pertanian, perladangan, dan perkhidmatan domestik di Malaysia. Perjanjian Medan telah dibentuk sebagai tanda kerjasama antara kedua-dua buah negara. Malaysia juga membenarkan ejen-ejen membawa masuk pekerja asing untuk bekerja dalam perladangan, pembinaan serta sebagai pembantu rumah. Migrasi TKI ke Malaysia adalah suatu perkara yang tidak dapat dibendung dalam era globalisasi. Pada tahun 1989, satu program yang dikenali sebagai Program Pemutihan Pekerja Asing Tanpa Izin Indonesia (PATI) diperkenalkan bagi memberi peluang kepada pekerja Indonesia yang datang secara tidak sah, mendaftarkan diri kepada pihak berkuasa. Namun, program ini tidak mendapat sambutan dalam kalangan majikan dan ejen kerana melibatkan pelbagai penyediaan dokumentasi, masa yang panjang dan menelan kos perbelanjaan yang tinggi.

Antara faedahnya ialah perjanjian baru ini telah membuka 24 pintu keluar masuk antara kedua-dua buah negara. Manakala perjanjian pengambilan buruh ini pula membantu Malaysia memantau keperluan buruh dalam pelbagai sektor industri dan dapat mengawasi kemasukan TKI dengan lebih efisien. Paman Semara adalah antara TKI yang telah mengikuti program pemutihan ini. Program ini telah dilaksanakan kerana negara Malaysia telah mengalami perkembangan sosioekonomi yang pesat melalui pelbagai program pembangunan. Sejak tahun 1990-an, Malaysia telah mengalami perubahan struktur ekonomi berasaskan pertanian yang menjadi tunjang kepada pertumbuhan ekonomi pembuatan dan perkhidmatan. Perkembangan ekonomi yang dialami membawa kesan positif sehingga menawarkan peluang pekerjaan yang banyak, meningkatkan penglibatan wanita dalam ekonomi dan seterusnya mewujudkan keperluan bagi membawa masuk tenaga kerja asing. Secara amnya, perkembangan sektor pembuatan dianggap sebagai salah satu punca kemasukan tenaga buruh asing. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai penguatkuasaan undang-undang bagi menangani isu tersebut. Meskipun pelbagai langkah dilakukan dalam mengetatkan sempadan negara, tenaga kerja asing tetap bolos dan mereka membanjiri kebanyakan sektor ekonomi. Hal ini demikian, kerana wujudnya pelbagai faktor sosial yang turut menyumbang kepada kemasukan mereka, antaranya jaminan keselamatan dan peluang pekerjaan.

Secara umumnya, Malaysia merupakan sebuah negara yang pesat membangun sejajar dengan perkembangan ekonomi dunia. Perkembangan ini dapat dilihat dalam kestabilan dan kemajuan yang dicapai dalam aspek politik, ekonomi dan sosial. Keadaan ini telah membawa kepada permintaan yang tinggi ke atas tenaga kerja di mana ini dikaitkan dengan peningkatan produktiviti dalam pelbagai sektor ekonomi yang meningkatkan martabat Malaysia di peringkat antarabangsa. Di samping kuatnya faktor penolak dan penarik, kedatangan TKI tanpa izin juga disebabkan oleh amalan-amalan korupsi dari sudut birokrasi. Kesukaran dalam memahami tuntutan birokrasi menjadikan TKI lebih selesa memilih saluran tidak sah untuk bermigrasi ke Malaysia. Dari sudut lainnya, saluran tidak sah dikatakan lebih murah, mudah

dan jimat masa di mana ia menarik perhatian para TKI yang ingin segera bekerja di Malaysia. Kewujudan “tekong” dan agen yang menawarkan perkhidmatan penyediaan dokumen sememangnya menjadi pilihan para TKI yang berpendidikan rendah. Pengawasan yang lemah dari pihak kerajaan juga memudahkan proses penyeludupan TKI berlaku secara besar-besaran merentasi perbatasan sempadan Malaysia dan Indonesia. Kebanyakan TKI yang bekerja di luar negara merupakan tenaga kerja dalam kategori kurang mahir yang mengisi peluang pekerjaan dalam sektor perkebunan, perkilangan, pembinaan, dan pembantu rumah.

Jika dilihat dari sudut positif, seseorang yang bermigrasi secara paksaan atau sukarela, tindakan ini didominasi oleh motivasi diri migran. Migrasi yang dilakukan secara paksaan ialah disebabkan oleh peperangan, bencana alam atau perdagangan manusia, yang menjadi dorongan kepada seseorang untuk berhijrah ke kawasan yang lebih baik yang menawarkan peluang pekerjaan, tawaran upah dan keselamatan. Manakala migrasi secara sukarela dilakukan secara hati terbuka atas dasar untuk memperbaiki taraf hidup semasa di negara asal. Faktor-faktor seperti pengangguran, tawaran upah yang rendah, kemiskinan adalah punca utama yang mendorong sesuatu kelompok masyarakat bermigrasi keluar dari negara berkenaan. Di sinilah industri migrasi dan jaringan ‘perantara’, termasuk jaringan-jaringan sosial, memainkan peranan untuk menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan dan bantuan untuk para migran.

Isu keselamatan dan perlindungan TKI yang kerap timbul menggambarkan kegusaran kerajaan kedua-dua negara kerana layanan buruk terhadap TKI boleh menyebabkan konflik politik antara kedua-dua buah negara. Sungguhpun kerajaan Malaysia melihat PTI sebagai satu kelompok yang bermasalah dan mengancam keselamatan nasional, tindakan undang-undang secara lebih tegas dilaksanakan dari semasa ke semasa. Dalam konteks ini, untuk mengelakkan konflik politik antara dua negara berjiran ini, kerajaan Indonesia hendaklah menitikberatkan isu keselamatan dan hak asasi TKI yang mana ianya perlu dilindungi dan diperjuangkan oleh negara Indonesia. Kewujudan institusi sosial formal dan tidak formal sedikit sebanyak membolehkan nasib hidup TKI di perantauan sentiasa terbela dalam pelbagai aspek termasuklah seperti kebajikan, keselamatan, kematian dan sebagainya.

RUJUKAN

- Abdul Bari Azed. (2014). Kemasukan Tenaga Kerja Indonesia ke Malaysia semasa Pemerintahan Tun Dr. Mahathir bin Mohamad dan Kini. Thesis PhD. Universiti Utara Malaysia.
- Ahmad Adli Yusof. (1997). Pendatang Indonesia di Felda Chersksh, Selangor: Kajian Latar Belakang, Penempatan, Ekonomi Dan Sosial. Latihan Ilmiah, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Amarjit Kaur. (2004). Mobility, Labour Mobilisation, and Border Controls: *Indonesian Labour Migration to Malaysia since 1990*, School of Economic, UNE, Armidale.
- Annuar Bin Ramli. (1999). Buruh Indonesia di Ladang Air Manis, Kulai, Johor. Latihan Ilmiah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Asnarulkhadi, A.S., (2005). Pendayaupayaan Komuniti Melalui Penglibatan: Satu Penilaian Umum Terhadap Pembangunan Komuniti di Malaysia. *Malays. J. Soc. Pol. Soc.* 2, 75-91.
- Asrizal Mohamed Radzi. (2013). Sejarah Pembentukan Negara Bangsa dan 1Malaysia. *Jurnal Biro Tatanegara*:. Bil. 1. Putrajaya: Biro Tatanegara
- Bourdieu, P. (1986). The forms of capital. In J. G. Richardson (Ed.), *Handbook of theory and research for the sociology of education* (pp. 241-258). Greenwood.

- Bourdieu, P., & Wacquant, L. J. D. (1992). *An invitation to reflexive sociology*. University of Chicago Press.
- Borjas, G. J. (1989). Immigrant and emigrant earnings: A longitudinal study. *Economic Inquiry*, 27(1), 21-37.
- Chris, B., Clare, C., Leo, M., Richard, P., Craig, R., (2005). *Community Cohesion: Seven Steps, A Practitioner's Toolkit*. Cohesion and Faiths Unit, UK.
- Coleman, James S. (1988) 'Social capital in the Creation of Human Capital' *American Journal of Sociology* 94: S95-S120.
- Durkheim, Emile. (1984). "The Division of labour in Society", Halls, W, D.,(trans,.). London: Macmilan.
- Eka Jaya Putra Hatika Embang (2013), "Peran Unit CounterTrafficking IOM (International Organization for Migration) Indonesia Dalam Upaya Menangani Human Trafficking di Kalimantan Barat (2004-2010)", *Ejournal Ilmu Hubungan Internasional*, 2013, 1 (4): 1177-1190
- Eki, A. T. (2002). *International Labour Emigration from Eastern Flores Indonesia to Sabah Malaysia: A Study of Patterns, Causes and Consequences*. (Unpublished doctoral dissertation). University of Adelaide, Adelaide.
- Elok Mulyoutami, Ekawati Sri Wahyun & Lala M Kolopaking (2014). Mengurai Jaringan Migrasi: Kajian Komunitas Petani Migran Bugis di Sulawesi. *Jurnal Kependudukan Indonesia*
- Mohd Fauzi Sukimi. (2014). Negara, Undang-undang dan tenaga kerja asing: Antara Ideal dan realiti di Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space Issue* 10 (1). pp. 101-109. ISSN 2180-2491
- Mohd Na'eim Ajis. (2010). Managing Foreign Workers in Southeast Asian Countries. *Journal of Asia Pacific Studies*. 1(3), 481-505.
- Palloni, A., Massey, D., Ceballos, M., Espinosa, K. & Spittel, M. (2001). Social Capital and International Migration: A Test Using Information on Family Networks. *American Journal of Sociology* 106(5): 1263-1297.
- Rahman, A. K. M. A. (2012). *Bangladeshi migrant workers in the Gulf countries: Prospects and future challenges*. Dhaka, Bangladesh: Anarjo.
- Ruhanas Harun. (edt.) (2006). *Malaysia's Foreign Relations: Issues and Challenges*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Sander, C. (2003). *Migrant Remittances to Developing Countries: A Scoping Study, Overview, and Introduction to Issues for Pro-Poor Financial Services*. London, England: Bannock Consulting.
- Simas Grigonis (2017), "EU in the face of migrant crisis: Reasons for ineffective human rights protection" *International Comparative Jurisprudence*
- Spaan, E. 1994. Taikong and Calos: The Role of Middlemen and Brokers in Javanese International Migration. *International Migration Review* 28(1): 93-113.
- Siti Nor Awang (2016), *Organisasi Kekeluargaan Masyarakat Cham di Malaysia*. Jabatan Antropologi & Sosiologi, Universiti Malaya.
- Siti Nor Awang (2011), *Kiriman Wang, Hubungan Kekeluargaan, dan Masyarakat Cham di Malaysia*. Jabatan Antropologi & Sosiologi, Universiti Malaya.
- Siti Nor Awang (2021), *The Orang Kemboja of East Coast of Peninsular Malaysia*. ISBN 978-967-461-581-9. Universiti Sains Malaysia.
- Syed Abdul Razak. S. M. (2014). *Indonesian Labour Migration to Sabah: Changes, Trends, and Impacts*, (PhD Thesis, The University of Adelaide).
- Tan Pok San. (2006). *Kehidupan Rohigya di Malaysia: Perjuangan dalam Ketidakpastian Hidup*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Undang-undang Malaysia. Akta A1419. Akta Kerja (Pindaan). (2012). *Pencetakan Nasional Malaysia Bhd*. Kuala Lumpur.

- Undang-undang Malaysia. (2006). Akta 152, Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-peruntukan Khas) 1975. Percetakan Nasional Malaysia Bhd.
- Usman Yaakob. (1989). Prinsip Kajian Kependudukan. Universiti Sains Malaysia. Pulau Pinang.
- Utusan Berita Online. (2009). Prosedur Kahwin Warga Asing. Kuala Lumpur. Dipetik pada 22 Mac 2017. Diperolehi dari <http://ww1.utusan.com.my>.
- Undang-Undang Nomor 21 Tahun 2007, Tentang Pembantaranan Tindak Pidana Penyelundupan Manusia, Jakarta, Balai Pustaka
- Zamberi Abdul Aziz. (2011). Pendatang Asing Tanpa Izin: Dasar dan Pelaksanaannya. Paper presented at the *Seminar Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin di Malaysia*. Organised by IKMAS, UKM, 5 May.
- Zulkiply Omar. (2016). Tenaga Kerja Asing dan Pertumbuhan Ekonomi. Penyelidik Kanan Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER). Kuala Lumpur.
- Zurina. Mohd Radzi. (2013). Jaringan Sosial dan Mobiliti Pekerjaan dalam Kalangan Wanita Indonesia: Kajian Kes di Pulau Pinang, Tesis Ijazah Doktor Falsafah Universiti Sains Malaysia.

¹ Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya

² Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya

* *Corresponding Author:* kamal@um.edu.my